

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2003**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU LOKOMOTIF SABAH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA14, AA17/AA18, AA22, AA36 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA14, AA17/AA18, AA22, AA36 telah digubal khusus bagi Jabatan Keretapi Negeri Sabah secara menggabungkan skim perkhidmatan sedia ada iaitu Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11, A14 (jumud). Gred AA13 ialah gred lantikan melalui kaedah kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) bagi Pekerja Rendah Awam Gred R1, R4 dan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3, R6 manakala Gred AA17 ialah gred lantikan bagi calon yang berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia. Setiap gred dalam skim perkhidmatan telah ditetapkan menggunakan kod AA bagi

membezakannya dengan skim-skim perkhidmatan lain dalam klasifikasi Pengangkutan (A).

3. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah telah disemak semula dan beberapa pindaan kepada syarat lantikan adalah perlu supaya setaraf dengan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif sedia ada.

#### **PINDAAN**

4. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah AA13, AA14, AA17/AA18, AA22, AA36 yang berkuat kuasa sekarang dipinda seperti berikut:

- (a) perbekalan syarat lantikan di perenggan 1(c)(ii) skim perkhidmatan berkenaan digantikan dengan peruntukan baru iaitu lulus dalam ujian penglihatan mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan **V/6/6** tanpa menggunakan cermin mata **dan tidak buta warna**; dan
- (b) di perenggan 1(c)(iii) dipinda kepada **Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan**; (Gaji permulaan ialah pada Gred **AA17:P1T6**)

5. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah yang baru adalah seperti di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **PELAKSANAAN**

6. Semua anggota yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11(jumud) yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/AA18, AA22, AA36 dari gred ke gred iaitu :

- (a) Pemandu Lokomotif Gred A17 ke gred AA17; dan

(b) Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11(jumud) ke Gred AA13.

7. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 dan AA17 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11(jumud).

### **Pemberian Opsyen**

8. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/AA18, AA22, AA36, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen tukar lantik kepada anggota sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (jumud) bagi membolehkan anggota membuat pilihan. Anggota yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/AA18, AA22, AA36. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

9. Anggota yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

10. Tawaran opsyen ini diberi kepada anggota yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11(jumud) serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada anggota yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalankan hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (jumud) yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**.

15. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan anggota dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

### **Kaedah Pelarasan Gaji**

16. Gaji anggota Pemandu Lokomotif Gred A17 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 di Jabatan Keretapi Negeri Sabah akan diselaraskan seperti berikut:

- (a) Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (jumud) yang telah disahkan dalam perkhidmatan diselaraskan kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13. Anggota hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1), tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan

mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (b) Pemandu Lokomotif Gred A17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan diselaraskan kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17. Anggota hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1), tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan
- (c) anggota yang berada di matagaji maksimum dan mendapati gaji sekarang tidak dapat ditampung oleh mana-mana matagaji dalam skim perkhidmatan baru, maka sifir pemindahan gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

17. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan, hendaklah diberi di jawatan baru.

18. Jadual Gaji Matriks bagi perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah seperti di **Lampiran D** dan contoh kaedah pelarasannya adalah seperti di **Lampiran E**.

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

19. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas tarikh kuat kuasa pelantikan. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

20. Dalam melaksanakan skim perkhidmatan baru ini, Ketua Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

### **Ketua Jabatan**

- (a) menawarkan opsyen kepada anggota terlibat dan memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada anggota dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (b) berhubung dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan pindaan jawatan Pemandu Lokomotif dan Pemandu Lokomotif Rendah ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah sewajarnya selepas urusan opsyen pertukaran pelantikan ini selesai; dan
- (c) mengemaskini Buku Kenyataan Perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan yang berkaitan.

### **Anggota**

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk anggota berkenaan; dan
- (c) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran.

## **TARIKH KUAT KUASA**

21. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/18, AA22, AA36 ialah mulai **1 Januari 2003**.


## **PEMBATALAN**

22. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2003 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

23. Pekeliling Perkhidmatan ini diguna pakai untuk Perkhidmatan Keretapi Negeri Sabah sahaja tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa negeri tersebut.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

PUTRAJAYA

7 November 2003

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Pengurus Besar Keretapi Negeri Sabah

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU LOKOMOTIF SABAH**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 Januari 2003

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred AA13</b>	:	P1T1	RM 593.38	-	P1T21	RM1485.15
		P2T1	RM 621.21	-	P2T21	RM1560.17
		P3T1	RM650.25	-	P3T21	RM1638.82
<b>Gred AA17</b>	:	P1T1	RM 663.56	-	P1T24	RM1742.88
		P2T1	RM 705.91	-	P2T24	RM1839.68
		P3T1	RM 749.47	-	P3T24	RM1940.11
<b>Gred AA18</b>	:	P1T1	RM663.56	-	P1T24	RM1742.88
		P2T1	RM749.47	-	P2T24	RM1940.11
<b>Gred AA22</b>	:	P1T1	RM1388.35	-	P1T15	RM2293.43
		P2T1	RM1502.09	-	P2T15	RM2547.53
<b>Gred AA36</b>	:	P1T1	RM2203.89	-	P1T14	RM3614.75
		P2T1	RM2374.50	-	P2T14	RM4018.89

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
    - (ii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan
    - (iii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AA17: P1T6)
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dan Pekerja Rendah Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) telah lulus latihan dan ujian pemanduan yang dikendalikan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred AA13, AA17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pemandu Lokomotif Sabah yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pemandu Lokomotif Sabah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pemandu Lokomotif Sabah dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pemandu Lokomotif Sabah yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pemandu Lokomotif Sabah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan/ketua jabatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AA18**

10. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA18 yang kosong apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AA22**

11. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17/AA18 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA22 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AA36**

12. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA36 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2003 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2002, [JPA(S)324/14/20 Klt.4(18)]

## LAMPIRAN B

### IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pemandu Lokomotif Sabah
- (b) Agensi : Jabatan Keretapi Negeri Sabah
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi : Perkhidmatan Pengangkutan

2. Jadual Gaji :

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred AA13	: P1T1 RM593.38 – P1T21 RM1485.15 P2T1 RM621.21 – P2T21 RM1560.17 P3T1 RM650.25 – P3T21 RM1638.82
Gred AA17	: P1T1 RM663.56 – P1T24 RM1742.88 P2T1 RM750.91 – P2T24 RM1839.68 P3T1 RM749.47 – P3T24 RM1940.11
Gred AA18	: P1T1 RM663.56 – P1T24 RM1742.88 P2T1 RM749.47 – P2T24 RM1940.11
Gred AA22	: P1T1 RM1388.35 – P1T15 RM2293.43 P2T1 RM1502.09 – P2T15 RM2547.53
Gred AA36	: P1T1 RM2203.89 – P1T14 RM3614.75 P2T1 RM2374.50 – P2T14 RM4018.89

3. Syarat Lantikan :
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Enjin Keretapi Tanah Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred AA17:P1T6;)
- (iii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V/6/6 tanpa menggunakan cermin mata dan tidak buta warna; dan
- (iv) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

2. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dan Pekerja Rendah Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) telah lulus latihan dan ujian pemanduan yang dikendalikan oleh Jabatan Keretapi Sabah; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17, adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi bidang tugas : Memandu semua jenis tren dan menyelenggara enjin tren.

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

-----  
Tarikh :

Bil. :

Nama :

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF SABAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DI JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH**

-----  
Adalah saya diarah memaklumkan bahawa tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah mulai pada (tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan) mengikut syarat-syarat berikut:-

1. Tuan/puan akan diberi gaji P..T.. RM ..... atas gred gaji \*AA13/AA17/AA18/AA22/AA36.
2. Tuan/puan akan tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan di Lampiran 'C1'.
3. Tuan/puan diminta mengisi, menandatangani dan mengembalikan borang opsyen seperti di Lampiran 'C2' kepada Pihak Berkuasa Melantik tidak lewat dari .....

-----  
(Tandatangan)  
Pihak Berkuasa Melantik

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN  
KEPADA PEMANDU LOKOMOTIF RENDAH/PEMANDU LOKOMOTIF  
(BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)**

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/AA18, AA22, AA36 untuk pemakaian di Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Dengan keputusan itu, tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA17/AA18, AA22, AA36 di bawah klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan ataupun jika menolak akan kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberikan kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang sama pada gred yang setaraf dengan jawatan tuan/puan di jawatan lama bergantung kepada skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik . **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan/Puan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan kepada prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1), kecuali bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal, matagaji yang ditetapkan itu tidak kurang daripada **GAJI PERMULAAN**

satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan. Jika tuan/puan ditukar lantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang setaraf dan kod serta skel gaji yang sama dengan jawatan asal, gaji permulaan ditetapkan mengikut prinsip yang sama di atas, tapi mengikut Peringkat (P) gaji di jawatan asal. Jika gaji jawatan baru masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, maka gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP) akan diwujudkan.

6. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
7. Tuan/Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
8. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
9. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. Kekananan tuan/puan di jawatan asal dikekalkan. **KEKANANAN**
10. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim KWSP. **OPSYEN SKIM KWSP**

- |     |   |  |
|-----|---|--|
| 11. | Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.  | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>          |
| 12. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa.  | <b>CUTI REHAT</b>                              |
| 13. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan /Ketua Jabatan.  | <b>PENEMPATAN</b>                              |
| 14. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan adalah tidak berubah dan kekal berada di bawah Ketua Perkhidmatan sekarang.  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>                  |
| 15. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.   | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>    |
| 16. | Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal.                         | <b>SYARAT PELANTIKAN<br/>YANG DIKECUALIKAN</b> |
| 17. | Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.   | <b>TARIKH KUAT<br/>KUASA</b>                   |
| 18. | Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | <b>HUBUNGAN DENGAN<br/>PERKHIDMATAN ASAL</b>   |

**BORANG OPSYEN**

---

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

---

---

---

Melalui Ketua Jabatan

---

---

---

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI  
PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMANDU  
LOKOMOTIF SABAH DI BAWAH KLASIFIKASI  
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DI JABATAN  
KERETAPI NEGERI SABAH**

---

Berhubung dengan surat tuan bil. ....  
bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat  
pilihan sendiri seperti berikut:-

- \* (a)  **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji AA13/AA17/AA18/AA22/AA36\*\*.

\* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. .... bertarih ..... dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

Tandatangan : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....  
**SAKSI\*\*\***  
( Tandatangan dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Tarikh : .....

- 
- \* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan.
  - \*\* Potong mana tidak berkenaan
  - \*\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : AA13

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA13A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

**JADUAL GAJI SSM : AA13**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
<b>P1</b>	593.38	633.31	673.24	713.17	753.10	793.03	832.96	872.89	912.82	952.75	992.68	1032.61	1072.54	1112.47	1165.71	1218.95	1272.19	1325.43	1378.67	1431.91	1485.15
<b>P2</b>	621.21	662.35	703.49	744.63	785.77	826.91	868.05	909.19	950.33	991.47	1032.61	1073.75	1114.89	1170.55	1226.21	1281.87	1337.53	1393.19	1448.85	1504.51	1560.17
<b>P3</b>	650.25	692.60	734.95	777.30	819.65	862.00	904.35	946.70	989.05	1031.40	1073.75	1116.10	1174.18	1232.26	1290.34	1348.42	1406.50	1464.58	1522.66	1580.74	1638.82

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
SOKONGAN  
(RM SEBULAN)**

I. GRED GAJI SSM : AA17

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : AA17A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

**JADUAL GAJI SSM : AA17**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
<b>P1</b>	663.56	704.70	745.84	786.98	828.12	869.26	910.40	951.54	992.68	1033.82	1074.96	1116.10	1157.24	1210.48	1263.72	1316.96	1370.20	1423.44	1476.68	1529.92	1583.16	1636.40	1689.64	1742.88
<b>P2</b>	705.91	748.26	790.61	832.96	875.31	917.66	960.01	1002.36	1044.71	1087.06	1129.41	1171.76	1227.42	1283.08	1338.74	1394.40	1450.06	1505.72	1561.38	1617.04	1672.70	1728.36	1784.02	1839.68
<b>P3</b>	749.47	793.03	836.59	880.15	923.71	967.27	1010.83	1054.39	1097.95	1141.51	1185.07	1243.15	1301.23	1359.31	1417.39	1475.47	1533.55	1591.63	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1882.03	1940.11

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
SOKONGAN  
(RM SEBULAN)**

I. GRED GAJI SSM : AA18

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : AA18A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

**JADUAL GAJI SSM : AA18**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
<b>P1</b>	663.56	704.70	745.84	786.98	828.12	869.26	910.40	951.54	992.68	1033.82	1074.96	1116.10	1157.24	1210.48	1263.72	1316.96	1370.20	1423.44	1476.68	1529.92	1583.16	1636.40	1689.64	1742.88
<b>P2</b>	749.47	793.03	836.59	880.15	923.71	967.27	1010.83	1054.39	1097.95	1141.51	1185.07	1243.15	1301.23	1359.31	1417.39	1475.47	1533.55	1591.63	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1882.03	1940.11

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSB : AA22****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA22A00****III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003****JADUAL GAJI SSM : AA22**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>	<b>T13</b>	<b>T14</b>	<b>T15</b>
<b>P1</b>	1388.35	1441.59	1494.83	1548.07	1601.31	1654.55	1707.79	1761.03	1814.27	1894.13	1973.99	2053.85	2133.57	2213.57	2293.43
<b>P2</b>	1502.09	1560.17	1618.25	1676.33	1734.41	1792.49	1850.57	1937.69	2024.81	2111.93	2199.05	2286.17	2373.29	2460.41	2547.53

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSB : AA36****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA36A00****III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003****JADUAL GAJI SSM : AA36**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>	<b>T13</b>	<b>T14</b>
<b>P1</b>	2203.89	2283.75	2363.61	2443.47	2523.33	2603.19	2683.05	2816.15	2949.25	3082.35	3215.45	3348.55	3481.65	3614.75
<b>P2</b>	2374.50	2461.62	2548.74	2635.86	2722.98	2866.97	3010.96	3154.95	3298.94	3442.93	3586.92	3730.91	3874.90	4018.89

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PEMANDU LOKOMOTIF RENDAH GRED A11 (JUMUD)  
KE PEMANDU LOKOMOTIF SABAH GRED AA13**

Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (Jumud) Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat (P) 1 Gred AA13.

**Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 2003  
**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : 1 Januari

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred A11 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred AA13 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.2002	1168.13 (P1T17)	-	Gaji Akhir Di Jawatan Asal.
1.1.2003	1168.13 (P1T17)	1218.95 (P1T16)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Anggota.
1.1.2003	-	1272.19 (P1T17)	TPG Jawatan Asal (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2004	-	1325.43 (P1T18)	TPG Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PEMANDU LOKOMOTIF RENDAH GRED A11 (JUMUD)  
KE PEMANDU LOKOMOTIF SABAH GRED AA13**

Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (Jumud) Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat (P) 1 Gred AA13.

**Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 2003

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : 1 April

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred A11 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred AA13 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.2002	1228.63 (P2T17)	-	Gaji Akhir Di Jawatan Asal.
1.1.2003	1228.63 (P2T17)	1272.19 (P1T17)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Anggota.
1.4.2003	-	1325.43 (P1T18)	TPG Jawatan Asal (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2004	-	1378.67 (P1T19)	TPG Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PEMANDU LOKOMOTIF GRED A17  
KE PEMANDU LOKOMOTIF SABAH GRED AA17**

Kaedah Pelarasan Gaji Bagi Pemandu Lokomotif Gred A17 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Mengikut Peringkat (P) Gaji Di Gred AA17.

**Tarikh Kuat Kuasa** : 1 Januari 2003

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal** : 1 Januari

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred A17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred AA17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.12.2002	1784.02 (P2T23)	-	Gaji Akhir Di Jawatan Asal.
1.1.2003	1839.68 (P2T24)	1940.11 (P3T24)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Anggota.
1.1.2003	-	1940.11 (P3T24)	TPG Jawatan Asal (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM). Tiada Pergerakan Gaji Kerana Anggota Berada Di Matagaji Maksimum.
1.1.2004	-	1940.11 (P3T24)	TPG Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM). Tiada Pergerakan Gaji Kerana Anggota Berada Di Matagaji Maksimum.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji